



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**BAJET 2023 : KPKT KOMITED RESPONSIF, BERTANGGUNGJAWAB DAN
REFORMIS MENJAYAKAN AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI
(LIVEABLE MALAYSIA)**



Pada 7 Oktober 2022 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik pembentangan Belanjawan 2023 oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan pada petang ini. Bajet 2023 merupakan kesinambungan usaha kerajaan memulih dan memantapkan ekonomi dengan pendekatan Responsif, Bertanggungjawab dan Reformis dalam memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan serta memacu pertumbuhan sosio-ekonomi yang mampan.

Bertemakan “**Keluarga Malaysia Makmur Bersama**”, Bajet 2023 kali ini mendukung tiga(3) pendekatan utama iaitu;

- i) Memperkukuh momentum pemulihan ekonomi (Kerajaan Responsif);
- ii) Memperkukuh daya tahan ekonomi (Kerajaan Bertanggungjawab); dan
- iii) Melaksanakan pembaharuan menyeluruh (Kerajaan Reformis).

Menurut YB Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, "Bajet 2023 membuktikan bahawa komitmen kerajaan jelas dalam memastikan Agenda Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia terus diberi tumpuan dengan peningkatan sebanyak 5.1% di dalam anggaran perbelanjaan keseluruhan KPKT iaitu sebanyak RM 5.41 bilion (2023) berbanding tahun lepas sebanyak RM 5.15 bilion (2022). Justeru, KPKT akan terus komited memastikan agenda ini menyentuh segenap aspek kehidupan rakyat melalui tiga falsafah iaitu Merawat Keresahan Rakyat, Membina Keyakinan Rakyat dan Menepati Ekspektasi Rakyat."

Tambah beliau, Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif perumahan di bawah Fokus 9 : Pemilikan Rumah seperti berikut:

- 1) Pengecualian duti setem dan perjanjian pinjaman bagi perjanjian jual beli bagi rumah bernilai RM500,001 – RM 1 juta, dinaikkan daripada 50% kepada 75% sehingga 31 Disember 2023 (i-Miliki);
- 2) Peruntukan sebanyak RM367 juta bagi pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang bakal memanfaatkan 12,400 bakal penghuni baharu;
- 3) Peruntukan sejumlah RM3 bilion bagi Pinjaman Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) memanfaatkan 12,000 peminjam (i-Biaya);
- 4) Peruntukan sebanyak RM290 juta memastikan kondisi rumah strata kos rendah dan sederhana yang selamat dengan menyelenggara termasuk menggantikan lif-lif usang;
- 5) Peruntukan RM 358 juta bagi pembinaan 4,250 unit rumah di bawah Program Rumah Mesra Rakyat (RMR); dan
- 6) Kelas pemulihan anak-anak PPR tercicir bagi penghuni rumah kos rendah yang tercicir pembelajaran semasa pandemik.

Dalam hubungan yang sama, KPKT turut menyambut baik pengumuman berkaitan caj duti setem bernilai RM10 bagi urusan pindah milik harta tanah antara keluarga serta peruntukan sebanyak RM20 juta di bawah Geran Pertubuhan Prihatin Komuniti yang akan memanfaatkan 2,000 persatuan penduduk melaksanakan aktiviti kesukarelawan termasuk kursus kebombaian dalam kesiapsiagaan banjir dan kebakaran di peringkat komuniti. Pengumuman Kerajaan dalam Bajet 2023 akan dapat menyokong Pasukan KPKT untuk terus melaksanakan agenda Malaysia Berdaya Huni dengan lebih cemerlang.